



KHIRUDIN Drahman (dua dari kanan) memberi tunjuk ajar kepada mahasiswa UMS mengenai cara yang betul menyelam skuba di Pulau Mamutik, dekat Kota Kinabalu, baru-baru ini.

utusan Malaysia 20/4/2011 26

163 pelajar UMS sertai perkhemahan jati diri

KOTA KINABALU 19 April - Seramai 163 pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengikuti perkhemahan jati diri UMS Sprintz di Pulau Mamutik pada Sabtu dan Ahad lalu.

Perkhemahan dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah itu adalah bagi memenuhi keperluan kokurikulum pelajar yang memilih menyertai pasukan brigid bomba dan pasukan bantuan bencana alam UMS.

Pegawai Perhubungan Awam, JBPM Sabah, Penolong Penguasa, Mohd. Affendi K. Ramin berkata, perkhemahan itu turut dihadiri oleh Pengarah JBPM Sabah, Khirudin Drahman dan 12 pelatih bomba.

“Perkhemahan itu bertujuan memantapkan disiplin di kalangan ahli brigid bomba dan pasukan bencana UMS agar lebih bermatlamat dan mempunyai jati diri yang tinggi.

“Perkhemahan ini juga dapat memberi peluang kepada mahasiswa dan mahasiswi mengenali masyarakat setempat dan menghayati keindahan alam,” katanya di sini baru-baru ini.

Menurutnya pelbagai aktiviti dilaksanakan bagi membentuk disiplin dan jati diri pelajar seperti ceramah motivasi, skuba, merentas desa, kawad dan latihan berkumpulan.

Tambahnya, pada perkhemahan

itu pihaknya turut memberikan latihan menyelamat di dalam air kepada semua mahasiswa.

“Pada majlis itu Pengarah JBPM Sabah, Khiruddin Drahman turut melakukan pemantauan dan memberikan ceramah motivasi yang amat berkesan,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Pusat Kokurikulum Pelajar UMS, Khairil A. Bean, berkata, program tersebut berjaya mencapai matlamat membentuk pelajar yang berdisiplin dan mempunyai jati diri.

Jelasnya ia juga dilihat dapat memberi pendedahan kepada pelajar mengenai ilmu kebombaanan dan motivasi diri.